



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 826

AKTA PERLINDUNGAN PENDERMA MAKANAN 2020

Tarikh Perkenan Diraja 30 Januari 2020

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 10 Februari 2020

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 826

AKTA PERLINDUNGAN PENDERMA MAKANAN 2020

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Perlindungan penderma makanan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 826

AKTA PERLINDUNGAN PENDERMA MAKANAN 2020

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan untuk penderma makanan daripada apa-apa liabiliti sivil dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perlindungan Penderma Makanan 2020.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“makanan” ertinya makanan yang digunakan atau dihasratkan untuk digunakan secara keseluruhan atau sebahagiannya untuk makanan manusia dan termasuklah—

- (a) apa-apa bahan mentah, lebihan, dimasak, diproses atau disediakan untuk dimakan;
- (b) apa-apa minuman lebihan, dimasak, diproses atau disediakan; dan
- (c) apa-apa ramuan mentah, lebihan, diproses atau disediakan;

“penderma makanan” ertinya mana-mana orang yang menderma atau mengedarkan makanan kepada mana-mana orang tanpa apa-apa bayaran ataupun apa-apa bentuk balasan dan termasuklah mana-mana perbadanan, perkongsian, perusahaan, persatuan, entiti kerajaan, pengeluar, pembekal, pemborong, peruncit, pasar raya besar, pasar raya, hotel, restoran, katerer, pengeluar pertanian, badan khairat, pertubuhan khairat, yayasan atau organisasi atau entiti lain dan pengarah, ejen, atau pekerjanya, atau sukarelawan.

Perlindungan penderma makanan

3. Seseorang penderma makanan tidak menanggung apa-apa liabiliti sivil berkenaan dengan kecederaan diri atau penyakit yang dideritai oleh mana-mana orang, atau kematian mana-mana orang, yang diakibatkan daripada pengambilan makanan yang didermakan atau diedarkan oleh penderma makanan melainkan jika boleh dibuktikan bahawa—

- (a) kecederaan diri, penyakit atau kematian itu disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh penderma makanan;
- (b) penderma makanan itu tidak mematuhi mana-mana kehendak berhubung dengan keselamatan dan kebersihan makanan di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebelum menderma atau mengedar makanan;

- (c) makanan itu tidak selamat untuk dimakan pada masa makanan itu didermakan atau diedarkan kepada mana-mana orang; dan
- (d) pendermaan atau pengedaran makanan itu tidak dibuat dengan suci hati.